



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

---

**KENYATAAN MEDIA**

---

**NATIONAL TRAINING WEEK 2023 JANGKAU SASARAN  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA****Kejayaan program sulung buka peluang NTW dijadikan acara tahunan**

Kementerian Sumber Manusia hari ini memaklumkan bahawa National Training Week (NTW) 2023 yang telah berlangsung dari 22 hingga 28 Mei telah melebihi sasaran yang ditetapkan oleh kementerian pada permulaan program.

Inisiatif tersebut yang dijalankan buat julung kalinya tahun ini, telah menetapkan sasaran yang tinggi untuk menawarkan 5,000 kursus kepada 125,000 peserta yang akan melengkapkan 500,000 jam latihan. Namun, di penghujung program tersebut, penyediaan kursus telah melebihi empat kali ganda iaitu sebanyak 21,473 manakala jumlah penyertaan adalah sebanyak 129,312 dengan 503,572 jam latihan telah dilengkapkan.

Berdasarkan laporan lanjut, Selangor telah menawarkan bilangan kursus terbanyak dengan 36.3 peratus daripada jumlah keseluruhan. Ini diikuti oleh Kuala Lumpur dengan 17.3 peratus, manakala Johor dan Sabah berada di tempat ketiga dengan kedua-dua negeri menawarkan 6.5 peratus daripada jumlah kursus keseluruhan sepanjang NTW 2023.

Selain itu, 44.7 peratus daripada kursus yang ditawarkan adalah kursus dalam talian jarak jauh. Ini diikuti dengan kursus secara fizikal atau face-to-face sebanyak 39.6 peratus dan e-learning sebanyak 10.5 peratus

Meskipun rakan kolaborasi dan penyedia kursus NTW menawarkan kursus dalam pelbagai bidang kemahiran, kursus berdasarkan pendidikan & latihan adalah kursus yang paling popular dengan merangkumi 17.8 peratus jumlah kursus. Ini diikuti kursus kemahiran insaniah atau soft skills dengan 10.1 peratus manakala kursus berdasarkan teknologi maklumat merekodkan sebanyak 8.0 peratus.

Bercakap mengenai pencapaian NTW 2023 tersebut, Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Tuan V. Sivakumar berkata, kementerian sangat berpuas hati dengan pencapaian NTW 2023 yang telah menjangkau semua sasaran yang ditetapkan.

“Pencapaian ini semestinya adalah hasil usaha semua rakan kolaborasi dan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia, terutama sekali Human Resource Development Corporation (HRD Corp). Ia juga menunjukkan minat rakyat Malaysia terhadap bidang ilmu dan kemahiran, terutama sekali kemahiran teknikal digital. Ini adalah sesuatu yang patut diterapkan dalam diri setiap rakyat Malaysia, selaras dengan usaha kita untuk mewujudkan bakat dan tenaga kerja yang tangkas dan dinamik untuk jangka panjang.” Lima kursus paling popular yang ditawarkan sepanjang NTW 2023 adalah Embracing Digital Opportunities, Analysing Data with Tables & Charts in Excel for the Web, AI for Marketing, Social Media Marketing dan Critical Thinking Skills for Professionals.

NTW 2023 adalah minggu latihan dan aktiviti percuma yang dijalankan di seluruh negara. Ia menghimpunkan organisasi dan individu dari pelbagai latar belakang. Program latihan yang ditawarkan sepanjang minggu ini menyasarkan rakyat Malaysia dari pelbagai peringkat umur, bermula dari kanak-kanak pra-sekolah sehingga warga emas. Majlis Kemuncak NTW telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi. NTW 2023 juga bakal dijadikan acara tahunan bermula tahun hadapan.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
PUTRAJAYA  
2 JUN 2023**